



INDIVIDU BUKAN PEMASTAUTIN

TAHUN TAKSIRAN 2013

INDIVIDU BUKAN PEMASTAUTIN

TAHUN TAKSIRAN 2013

2014

Skop Pengenaan Cukai

- ⇒ Individu Bukan Pemastautin dikenakan cukai atas pendapatan diperolehi atau diterima dari Malaysia
- ⇒ Secara amnya, anda bukan pemastautin untuk tujuan cukai jika berada di Malaysia kurang daripada **182 hari** untuk satu tahun tanpa mengira kerakyatan atau kewarganegaraan

Pendapatan Penggajian Individu Bukan Pemastautin Yang Dikenakan Cukai

- ⇒ Gaji, upah, bonus, yuran pengarah, komisen, eluan, perkuisit, garjaran, bayaran lebih masa, tip, pampasan, Skim Opsyen Saham Pekerja (SOSP), cukai ditanggung majikan dan lain-lain (tunai atau sesuatu yang boleh ditukar kepada tunai)
- ⇒ Manfaat Berupa Barang daripada majikan (kereta, telefon bimbit, pemandu, orang gaji dan lain-lain)
- ⇒ Nilai Tempat Kediaman yang disediakan oleh majikan
- ⇒ Caruman oleh majikan untuk pekerja ke tabung pencen atau kewangan yang tidak diluluskan
- ⇒ Pampasan kerana kehilangan pekerjaan

Individu Bukan Pemastautin Tidak Dikenakan Cukai Jika

- ⇒ Bekerja di Malaysia kurang daripada 60 hari setahun
- ⇒ Berumur 55 tahun dan menerima pencen daripada penggajian di Malaysia
- ⇒ Menerima faedah bank
- ⇒ Menerima dividen yang dikecualikan cukai

Perhatian

- ⇒ Gunakan **e-Filing (e-M)** iaitu cara mudah bagi melaporkan pendapatan penggajian. Maklumat lanjut boleh diperolehi dari Nota Penerangan M di www.hasil.gov.my
- ⇒ Tarikh akhir menghantar Borang M (e-M) dan membayar baki cukai kena bayar (jika ada): **30 April setiap tahun**

Tanggungjawab Pekerja

- ⇒ Isi dan kemukakan Borang M (e-M) melalui **e-Filing**
- ⇒ Simpan Penyata Saraan daripada majikan (EA/EC/lain-lain dan resit-resit selama 7 tahun)
- ⇒ Individu Bukan Pemastautin tidak layak menuntut potongan, pelepasan dan rebat cukai

Potongan Cukai Bulanan (PCB)

- ⇒ Mekanisma bayaran cukai pendapatan pekerja yang bertujuan meringankan beban pekerja daripada membayar cukai sekaligus
- ⇒ Bayaran ansuran cukai pendapatan pekerja
- ⇒ Dikira berdasarkan kadar 26% daripada gaji kasar bulanan

Kadar Cukai Individu Bukan Pemastautin

Jenis Pendapatan	%
Perniagaan, perdagangan atau profesion Penggajian Dividen Sewa Lain-lain perolehan atau keuntungan	26
Penghibur awam Faedah	15
Royalti	
Bayaran perkhidmatan berkaitan penggunaan harta atau hak-hak, pemasangan atau pengendalian loji, jentera atau alat-alat lain yang dibeli daripada bukan pemastautin	
Bayaran untuk nasihat teknikal, bantuan/perkhidmatan yang diberi berkaitan dengan pengurusan/pentadbiran teknikal bagi sesuatu projek atau skim (saintifik, perindustrian/pengambilalihan komersial, penerokaan)	10
Sewa atau bayaran lain berkaitan dengan penggunaan harta mudah alih	